



## SIARAN SEGERA

### Portal MyAssist MSME Jana RM9.7 juta Potensi Jualan

---

**Kuala Lumpur, 20 Ogos 2021** – MyAssist MSME, portal yang dibangunkan khas oleh SME Corp. Malaysia, adalah untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan khidmat nasihat perniagaan, membuat temujanji dengan Kaunselor Perniagaan terlatih dan menyertai sesi pemandangan perniagaan secara dalam talian.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Suriani bt Dato' Ahmad, portal ini merupakan satu platform khidmat nasihat perniagaan sehenti buat PKS. Ia bukan sahaja membantu PKS mengadaptasi pendigitalan bahkan juga mendapatkan khidmat nasihat serta peluang perniagaan mengikut norma baharu.

Tambah beliau, PKS perlu berani untuk berubah terutamanya cara bermula mengikut norma pasca Covid-19. PKS juga perlu cuba meningkatkan keterlihatan di dalam platform dalam talian.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal Nainy, memaklumkan bahawa sehingga kini, portal ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan akses lebih 50,000 pengunjung serta mencatatkan potensi jualan sejumlah RM9.7 juta.

En Rizal Nainy menyatakan bahawa SME Corp. Malaysia akan terus komited di dalam memastikan kelangsungan PKS di masa yang mencabar ini. Dikala dunia dilanda pandemik Covid-19, PKS perlu memanfaatkan perkhidmatan yang ada di dalam portal ini bagi meneruskan kelangsungan perniagaan secara norma baharu.

Selain itu, SME Corp. Malaysia juga akan terus menyokong rancangan pemulihan Kerajaan melalui pelbagai inisiatif termasuk pelaksanaan program pembangunan dan fasilitasi.

PKS yang tidak mengikut peredaran teknologi serta keadaan semasa, akan terus ketinggalan. Mereka juga akan mendepani cabaran yang lebih besar disebabkan pasaran yang terhad.

Portal MyAssist MSME ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Jun lalu.

Untuk maklumat lanjut berkaitan Portal MyAssist MSME, sila layari [www.myassist-msme.gov.my](http://www.myassist-msme.gov.my).

**- TAMAT -**

Untuk maklumat lanjut berkaitan Portal MyAssist MSME ataupun sebarang pertanyaan berkaitan program atau inisiatif SME Corp. Malaysia, sila hubungi Encik Muhammad bin Ibrahim di talian 019-664 6407 atau emel – muhammad@smecorp.gov.my atau Encik Mohamad Firdhouse Mohamad Tajuddin di talian 019-315 6908 atau email [firdhouse@smecorp.gov.my](mailto:firdhouse@smecorp.gov.my).

### **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman web : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)